

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

SOALAN NO. 265

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status bina baru sekolah SK Kita, SK Niah dan SK Rancangan Sepupok, Niah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan Sekolah Kebangsaan (SK) Kita, Niah dan SK Rancangan Sepupok, Niah telah diluluskan pelaksanaan di dalam RMKe-11 Tahun 2016. Skop bagi pembinaan SK Kita, Niah merangkumi pembinaan 12 bilik darjah, 10 unit rumah guru, asrama dan lain-lain kemudahan dengan anggaran kos projek berjumlah RM43.2 juta.

Manakala bagi pelaksanaan SK Rancangan Sepupok pula, skop projek meliputi pembinaan gantian penuh 6 bilik darjah, 9 unit rumah guru, asrama pelajar dan lain-lain kemudahan di SK Rancangan Sepupok, Subis, Sarawak dengan anggaran kos berjumlah RM30 juta. Kedua-dua projek ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Pada masa ini, kedua-dua projek sedang dalam peringkat prabina.

NO. SOALAN : 265

Untuk makluman, permohonan pembinaan SK Niah tiada di dalam senarai projek terkini tahun 2019 dan tiada di dalam permohonan bagi tahun 2020 di peringkat Kementerian Pendidikan. Permohonan bagi projek pembinaan sekolah baharu boleh dikemukakan namun adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan negara.

RT17/189